**Rujukan kami: JANM.PRK.600-1/3/3 Jld 2 (52)**
**Tarikh: 16 Oktober 2025**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN OPERASI PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Merujuk kepada Laporan Pemantauan Status Pembayaran dan Pesanan Kerajaan sehingga bulan September 2025, didapati masih terdapat transaksi-transaksi Pesanan Kerajaan yang melangkau tahun dari tahun 2024 belum diselesaikan pembayaran dan juga transaksi Arahan Pembayaran bertarikh awal tahun 2025 yang belum disempurnakan pembayaran sehingga kini. Dikhuatiri transaksi tersebut telah tidak lagi *valid*/ sah dan menyumbang kepada amaun komitmen Kerajaan yang masih belum diselesaikan terlebih nyata.

3. Justeru, dimohon tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam memastikan transaksi Pesanan Kerajaan dan Arahan Pembayaran disempurnakan sewajarnya. PTJ dikehendaki memperkemaskan penyelesaian Pesanan Kerajaan dan Arahan Pembayaran seperti berikut:

i. **Memantau rapi pesanan dan tanggungan belum selesai** melalui laporan di portal iGFMAS antaranya:
   (a) Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan);
   (b) Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan);
   (c) Laporan Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan; dan
   (d) Laporan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan/

   Contoh tatacara semakan laporan berkaitan adalah seperti di **Lampiran**.

ii. **Memantau rapi *Fulfilment Receive Note* (FRN) dan *Good Receive Note* (GRN) yang masih belum disempurnakan bayaran** melalui Laporan Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan Dengan Pesanan.

iii. Semua transaksi Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran/ FRN/ GRN yang tidak sah (*valid*) hendaklah dihapus/ dibatal dengan kadar segera bagi memastikan transaksi ini tidak lagi terpapar sebagai komitmen di dalam iGFMAS.

iv. Sekiranya masih berlaku kesilapan oleh PTJ kerana pembayaran tidak tag FRN/ GRN yang terlibat, iaitu pembayaran telah dibuat melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan, PTJ hendaklah segera membuat tindakan hapus/ batal/ pelarasan ke atas FRN/ GRN yang tidak sah (*valid*) tersebut.

4. Dimohon kerjasama PTJ untuk memastikan transaksi yang telah mempunyai dokumen lengkap untuk pembayaran disempurnakan dengan segera dan semua transaksi yang tidak sah (*valid)* perlu dibatal atau dihapus tanpa menunggu saat akhir pada bulan Disember bagi memastikan kelancaran proses penutupan akaun tahun 2025.

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/ puan selanjutnya amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOORAKMAR BINTI HUSSIN,** A.M.P, C.A.(M), CPA (Aust.)**)**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Perak

**LAMPIRAN**

## A) DOKUMEN PESANAN KERAJAAN

### 1. TATACARA SEMAKAN LAPORAN TANGGUNGAN BELUM SELESAI PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN)

i. Klik pada Modul Perolehan.
ii. Klik tab Laporan.
iii. Klik Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan.
iv. Kunci masuk tempoh masa pelaporan yang hendak dijana.
(Cth: 01.09.2025 – 30.09.2025)
v. Klik butang radio Pesanan Kerajaan.
vi. Klik Jana.



**Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan akan dipaparkan.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Laporan : ZWDMMR028 | KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA | | Tarikh | : 13.10.2025 |
| Kod Transaksi : ZWAMMR028 | LAPORAN TANGGUNGAN BELUM SELESAI PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN) | | Masa | : 17:04:16 |
| Pengguna : 770701075728 | BAGI TEMPOH 01.01.2025 SEHINGGA 13.10.2025 | | Muka Surat | : 1 / 2 |
| | SEPERTI PADA 13.10.2025 BAGI TAHUN KEWANGAN 2025 | | | |

| | | |
|---|---|---|
| Pejabat Perakaunan | : 1008 | JABATAN AKAUNTAN NEGARA NEGERI PERAK |
| Pegawai Pengawal Pembayar | : B6 | KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN |
| Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar | : 27 | KUMPULAN PTJ JABATAN AKAUNTAN NEGARA |
| | : 27021301 | PEJABAT PENGARAH JANM NEGERI PERAK |
| Jenis Dokumen | : P1 & P3 | PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN) |

| Bil. | No. Dokumen<br>Tarikh | Kod Pembekal<br>Nama Pembekal | No. Kontrak Fizikal/<br>No. Surat Setuju Terima/<br>No. Inden Kerja | Kod Dipertanggung: Peg. Pgwl | Kump. PTJ & PTJ | Vot/ Dana | Prog/ Akt | Projek | Setia | Sub Setia | CP | Kod Akaun | Kod Item<br>No. Aset & Subnombor | Amaun DN/VO (RM) | Amaun Pesanan (RM) | Status Dokumen |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PO250000000710286<br>28.09.2025 | 6000149521<br>SIN MUN FATT (IPOH) BOOK STORE SDN. | | B6 | 27021301 | B10 | 050401 | | | | | B0226199 | 221017030000000000 | 0.00 | 420.00 | 80 |
| | | | | | | | | | | | | | Jumlah | | 420.00 | |

Contoh Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan

**TINDAKAN PEMANTAUAN OLEH PTJ :**

1. Pastikan semua Pesanan Kerajaan (PK) yang masih sah (*valid*) dibuat bayaran dengan segera apabila Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (FRN/GRN) berstatus 80.

2. Batal Tanggungan Pesanan Kerajaan sekiranya Pesanan Kerajaan tidak lagi diperlukan (Contoh : Pembatalan pesanan / barang@perkhidmatan tidak dapat dibekal/disediakan).

3. Pastikan tiada transaksi yang tergantung dalam Laporan Tanggungan Belum Selesai sebelum penutupan akaun akhir tahun 2025, kecuali bagi Pesanan Kerajaan dimana FRN/GRN telah berstatus 80 tetapi dokumen kontrak perjanjian masih belum dimuktamadkan (PK akan dibawa ke tahun 2026).

**<u>Nota:</u>**

Semakan ke atas Jenis Dokumen yang lain (CO/WU/CW dan WO) perlu dibuat dengan mengikuti langkah yang sama seperti di atas.

## 2. TATACARA SEMAKAN LAPORAN TERPERINCI PESANAN KERAJAAN

### CONTOH : JENIS DOKUMEN CO (TANGGUNGAN KONTRAK)

i. Klik pada Modul Perolehan.
ii. Klik tab Laporan.
iii. Klik Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan.
iv. Kunci masuk tempoh masa laporan yang hendak dijana. (Cth: 01.09.2025 – 30.09.2025)
v. Klik butang radio Tanggungan Kontrak Kerajaan.
vi. Klik Jana.



**Laporan Terperinci Tanggungan Kontrak akan dipaparkan.**



Laporan : MMRPT-001
Kod Transaksi : ZWDMMR026
Pengguna : 770701075728

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
LAPORAN TERPERINCI TANGGUNGAN KONTRAK (BEKALAN & PERKHIDMATAN) YANG TELAH LENGKAP
BAGI TEMPOH 01.01.2025 SEHINGGA 13.10.2025
SEPERTI PADA 13.10.2025 BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

Tarikh : 13.10.2025
Masa : 17:40:04
Muka Surat : 26 / 27

| | | |
|---|---|---|
| Pejabat Perakaunan | : 1008 | JABATAN AKAUNTAN NEGARA NEGERI PERAK |
| Pegawai Pengawal Pembayar | : B6 | KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN |
| Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar | : 27 | KUMPULAN PTJ JABATAN AKAUNTAN NEGARA |
| | : 27021301 | PEJABAT PENGARAH JANM NEGERI PERAK |
| Jenis Dokumen | : P2 & P4 | TANGGUNGAN KONTRAK (BEKALAN & PERKHIDMATAN) |



Contoh Laporan Terperinci Tanggungan Kontrak

**<u>Nota</u> :**
Semak laporan dan pastikan semua tanggungan kontrak selesai dibuat bayaran. Buat tindakan pembatalan/perubahan kontrak sekiranya tanggungan kontrak tidak lagi diperlukan.

## B) DOKUMEN ARAHAN PEMBAYARAN

### 1. TATACARA SEMAKAN ARAHAN PEMBAYARAN DENGAN PESANAN KERAJAAN

I. Klik pada Modul Pengurusan Arahan Pembayaran.
II. Pilih Sub Modul Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan.
III. Klik pada Menu Status Dokumen.
IV. Kunci masuk tempoh masa laporan yang Dijana.
(Cth: 01.09.2025 – 30.09.2025)
V. Klik Cari.



Senarai Arahan Pembayaran akan dipaparkan seperti berikut:




Contoh Senarai Arahan Pembayaran

Klik *Display Filter Row* 

Kunci masuk status dokumen 00,10,20,22,30,32,42 ( untuk menyemak senarai dokumen yang masih belum selesai).




***Nota: Status dokumen selesai adalah 80 dan 74 (batal).**

## 2. TATACARA SEMAKAN ARAHAN PEMBAYARAN TANPA PESANAN KERAJAAN

I. Klik pada Modul Pengurusan Arahan Pembayaran.
II. Pilih Sub Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan.
III. Klik pada Menu Status Dokumen.
IV. Klik Arahan Pembayaran.
V. Kunci masuk tempoh masa laporan yang hendak Dijana.
(Cth: 01.09.2025 – 30.09.2025)
VI. Klik Senarai.




Senarai Arahan Pembayaran akan dipaparkan seperti berikut:

View: [Standard View] | Export

| Bil. | No Dokumen | Status | Keterangan Sta... | Tahun Kewangan | Jenis Arahan Pembayaran | Tarikh Dokumen | Tarikh 'Post' | Amaun (RM) | Perihal | No. Invois |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | 12001431 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 48.39 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4089/911007... |
| 5 | 12001433 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 661.61 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4091/851220... |
| 6 | 12001436 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 322.90 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4092/000522... |
| 7 | 12001437 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | B | 13.10.2025 | 13.10.2025 | 229.35 | ELM 09/2025-6233: EL... | ELM 09/2025-6233 |
| 8 | 12001438 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | A | 13.10.2025 | 13.10.2025 | 40.00 | 202510111525/0174660... | 202510111525 |
| 9 | 12001440 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | B | 13.10.2025 | 13.10.2025 | 360.00 | CERAMAH 09/25-5726 ... | CERAMAH 09/2... |
| 10 | 12001441 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 50.00 | T042434903225/25.09.... | T042434903225 |
| 11 | 12001442 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | B | 13.10.2025 | 15.10.2025 | 120.00 | CERAMAH 09/2025-53... | CERAMAH 09/2... |
| 12 | 12001443 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | B | 13.10.2025 | 15.10.2025 | 480.00 | CERAMAH 09/2025-55... | CERAMAH 09/2... |
| 13 | 12001444 | 80 | Dokumen Leng... | 2025 | B | 13.10.2025 | 15.10.2025 | 97.18 | ELM 09/2025-ELAUN L... | ELM 09/2025-6053 |

Contoh Senarai Arahan Pembayaran

Klik *Display Filter Row* 

Kunci masuk status dokumen 00,10,20,22,30,32,42 (untuk menyemak senarai dokumen yang masih belum selesai).




| Bil | No Dokumen | Status | Keterangan Sta... | Tahun Kewangan | Jenis Arahan Pembayaran | Tarikh Dokumen | Tarikh 'Post' | Amaun (RM) | Perihal | No. Invois |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 30 | | | | | | | | |
| 1 | 12001451 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 100.00 | BBH (B11) BIL PEMERI... | ID4093/460801... |
| 2 | 12001452 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 551.61 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4094/761217... |
| 3 | 12001430 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 337.50 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4062/840814... |
| 4 | 12001431 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 48.39 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4089/911007... |
| 5 | 12001433 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 661.61 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4091/851220... |
| 6 | 12001436 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 322.90 | BAYARAN BALIK HASI... | ID4092/000522... |
| 10 | 12001441 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 50.00 | T042434903225/25.09.... | T042434903225 |
| 14 | 12001449 | 30 | Semak Oleh P... | 2025 | A | 13.10.2025 | | 375.00 | BAYARAN BALIK HASI... | ID3921/851113... |

## TINDAKAN PEMANTAUAN OLEH PTJ :

1. Pastikan semua Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan dan Tanpa Pesanan Kerajaan diselesaikan (Status 80) atau dibatal (Status 74) pada setiap hujung bulan.

2. PTJ perlu mengambil tindakan segera ke atas dokumen yang masih belum selesai iaitu dokumen dengan status 00, 10,20,22,30,32,42.

3. Batal dokumen Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan dan Tanpa Pesanan Kerajaan yang tidak lagi diperlukan. Jangan biarkan status dokumen tergantung di dalam iGFMAS (tidak selesai).

4. Pastikan aduan dibuat melalui iGFMAS Service Desk sekiranya terdapat isu berkaitan sistem seperti status dokumen tidak berubah atau dokumen tiada pada senarai tugas pegawai dan lain-lain bagi membolehkan pihak teknikal iGFMAS membuat tindakan penyelesaian ke atas isu yang dihadapi.